



**MENTERI SUMBER MANUSIA
KENYATAAN MEDIA**

**HARI KELEPASAN AM BAGI PEKERJA SEKTOR SWASTA SEMPENA
PILIHAN RAYA UMUM KE-15**

1. Kerajaan Persekutuan telah mengisytiharkan cuti umum di seluruh negara pada hari Jumaat, 18 November dan Sabtu, 19 November 2022 bagi menggalakkan rakyat Malaysia yang layak mengundi untuk keluar mengundi sempena Pilihanraya Umum (PRU) ke 15. Bagi negeri-negeri yang menjadikan hari Jumaat dan Sabtu sebagai hari kelepasan mingguan, maka hari Ahad, 20 November 2022 ditetapkan sebagai hari kelepasan tambahan.
2. Cuti umum ini telah diisytiharkan di bawah seksyen 8, Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369] yang merupakan cuti am yang diperuntukkan kepada pekerja di sektor swasta menurut seksyen 60D (1)(b) Akta Kerja 1955. Menurut peruntukan ini, majikan boleh menggantikan mana-mana hari lain sebagai ganti cuti am bergaji kepada pekerja.
3. Majikan dikehendaki memaklumkan kepada pekerja mereka sama ada memilih tarikh pada 18 dan 19 November 2022 sebagai hari cuti am atau menggantikannya dengan tarikh-tarikh lain. Sekiranya tiada penggantian, pekerja yang bekerja pada tarikh-tarikh tersebut layak menerima kadar gaji bagi cuti am.
4. Bagi memenuhi tujuan dan hasrat pemberian hari kelepasan tersebut oleh Kerajaan Persekutuan, saya menggesa agar pihak majikan mempertimbangkan pelepasan cuti am bagi kedua-dua hari berkenaan bagi memberi peluang kepada para pekerja untuk menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pengundi pada 19 November 2022 ini.

**DATUK SERI M.SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
16 NOVEMBER 2022**